

05/08/1997

Malam Seniman penuh kesamaran

Rosidi Daud

MALAM 23 Tahun Seniman yang berlangsung di Grand Ballroom, Sunway Lagoon Resort Hotel malam kelmarin membuktikan kematangan sesebuah persatuan bukan sekadar bergantung kepada usia kewujudannya - faktor kepemimpinan juga jadi penentu.

Dalam era Koridor Raya Multimedia (MSC), ketika rakyat Malaysia mencari pembaharuan ke arah pembangunan diri dan minda, wajarkah Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) yang kini menjangkau 23 tahun dilihat bagaikan masih bertatih dan ketinggalan?

Apakah ucapan presidennya, Datuk Ismail Hutson, dramatis veteran yang disegani lebih menitikberatkan soal remeh dari wawasan persatuan itu sendiri menggambarkan tanggungjawab atau kekuatan sebenar Seniman.

Apa yang dapat diperhatikan, Seniman perlu berbuat sesuatu secepat mungkin.

Kalau tidak, usaha murninya untuk menyatukan karyawan seni di bawah satu payung akan sekali lagi menemui jalan buntu - masalah yang masih belum berjaya diselesaikan sejak persatuan itu sendiri ditubuhkan.

Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali adalah satu petanda baik.

Kerajaan memandang berat terhadap industri hiburan, terutama perfileman yang turut menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Malangnya, inti ucapan presiden Seniman sebelumnya pula, lebih membayangkan seolah-olah persatuan tidak ada perkara serius yang terancang untuk ahlinya selain soal emosional.

Ismail membangkitkan isu 'artis kena main (ditipu) dengan penerbit filem', masalah karyawan filem yang ingkar menjadi ahli, ahli meminta persatuan menyelesaikan masalah peribadi, menyelar penerbit filem yang tidak memberikan kerjasama bagi menjayakan malam berkenaan dan rayuan kepada jabatan agama agar tidak mendedahkan nama artis yang menerima kaunseling adalah sesuatu yang tidak perlu - terutama di hadapan Perdana Menteri.

Presiden Seniman juga meminta kerajaan memberikan sumbangan tanah (300 atau 400 ekar) untuk membina perkampungan seniman, sekali gus studio yang terancang di rantau ini.

Isu perkampungan Seniman sudah lapuk. Sudah tidak boleh dibangkitkan lagi.

Malah satu ketika dulu, ada yang mahu meneroka tanah di Pahang untuk tujuan yang sama. Sehingga ke hari ini, hasilnya masih tidak nampak.

Persembahan hiburan 13 artis veteran dan bakat muda di malam berkenaan terlalu lama.

Tidak mendatangkan apa-apa kesan, malah memenatkan hadirin yang kebanyakannya pulang sebelum majlis berakhir.

Kita akur tujuan Seniman menggabungkan yang lama (mengembalikan nostalgia Jalan Ampas) dan baru. Tetapi bagaimana jadinya kalau setiap orang mempersembahkan lebih daripada dua lagu.

Apa yang jelas, hadirin tidak tahu apa tujuan sebenarnya Malam 23 Tahun Seniman.

Mereka membeli meja kerana mahu menyaksikan dengan lebih dekat bukan saja artis veteran dari Singapura, tetapi arah sebenarnya persatuan berkenaan.

Mereka yang rata-rata terdiri daripada bukan masyarakat filem, pulang dengan seribu pertanyaan.

Salah satunya, adakah Seniman yang antara lain bertujuan menjaga  
kebijakan ahlinya masih lagi berada di tahap lama?

(END)